



**1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.2 EB.3-4 (\$650 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 02**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Satu (1) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat lanjutan ('A' Level) atau kelulusan sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III tidak kurang 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Pernah berkhidmat sebagai anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Anggota Polis Diraja Brunei dan berpangkat sekurang-kurangnya Staff Sarjan serta mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penyelenggara stor dan mempunyai rekod prestasi yang bersih dalam kerjayanya.

2. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira dan / atau Perakaunan dan / atau Pengurusan Stor / Kakitangan dan / atau Pembelian Alat-Alat adalah kelebihan.

3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:

SECARA AM

1. Menyelaras hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.



2. Menyediakan dan memastikan semua rekod / akaun / lejar / buku stok sentiasa kemaskini / teratur mengikut dasar / peraturan / sistem yang berkuatkuasa masa ini.
3. Menyelia / mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut permohonan / paras stor diperlukan.
4. Menyediakan pesanan permohonan barang atau bagi penambahan stok.
5. Melaksanakan pemeriksaan stok dan memastikan stok mencukupi dan terkawal.
6. Menyediakan laporan / penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan / hapus kira terhadap barang-barang stor.